

19/05/2001

Import makanan Thailand, Myanmar dipertingkat

MUAR, Jumaat - Kerajaan akan meningkatkan import bahan makanan dari Thailand dan Myanmar untuk membantu usaha mengawal harga bahan keperluan pengguna negara ini supaya terus berada pada tahap berpatutan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata pihaknya juga akan mengenal pasti pembekal baru di negara berkenaan.

Beliau berkata, usaha itu bertujuan memastikan pengimport negara ini mempunyai banyak pembekal sebagai sumber dan terus memperolehinya pada harga yang murah.

Katanya, beliau akan mengetuai lawatan rombongan kementeriannya ke dua negara terbabit bagi meninjau sumber import makanan ke negara ini selama lima hari mulai Ahad ini.

"Menerusi lawatan kerja itu, pihaknya akan meninjau sendiri operasi pembekalan bahan makanan termasuk mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya.

"Kita lihat, dua negara ini mempunyai hubungan perdagangan yang besar dengan Malaysia dari aspek pembekalan bahan makanan untuk pasaran tempatan. Thailand banyak mengeksport bahan makanan terutama buah-buahan ke negara ini.

"Sementara itu, kita dapati Myanmar yang kini mula membuka pasarannya, berpotensi untuk membantu kita memperoleh bekalan ikan yang lebih banyak bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan," katanya.

Beliau memberitahu demikian ketika ditemui pada majlis Jamuan Mesra Rakyat yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dataran Ledang, Tangkak, petang ini.

Mengulas penjualan bahan berunsur lucah dalam pasaran, beliau berkata pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan sewajarnya untuk menghentikan perbuatan itu mengikut bidang kuasa masing-masing.

(END)